**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 7**
**RUANGAN : NASIONAL**

*Penularan COVID-19*

# Kes baharu dijangka capai satu digit selepas Aidilfitri

## Rakyat diminta patuhi SOP musim perayaan



*Kalau patuh, kita boleh kurangkan kes dan dalam tempoh dua minggu mungkin capai angka satu digit.*

*Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan*

**Putrajaya:** Bilangan kes baharu jangkitan COVID-19 dijangka mencecah satu digit selepas dua minggu Aidilfitri, sekiranya rakyat mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) sepanjang musim perayaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagaimanapun, jika orang ramai ingkar SOP ketika menyambut Aidilfitri, bilangan kes boleh naik mendadak.

"Ia bergantung kepada kepatuhan kita (terhadap SOP). Kalau patuh, kita boleh kurangkan kes dan dalam tempoh dua minggu mungkin capai angka satu digit.

"Paling penting (amalkan) penjarakan sosial dan mencuci tangan, selain mengelakkan aktiviti menziarah sepanjang musim perayaan, termasuk ke kubur," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham mengakui, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berjaya mengawal bilangan kes jangkitan COVID-19 daripada meningkat secara mendadak.

Selain itu, beliau berkata, kos bagi pelaksanaan PKPB juga lebih murah, berbanding Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Perkara ini sudah dilihat dari 4 Mei lalu hingga hari ini (semalam) dan kita berjaya gunakan kaedah baharu, iaitu PKPB dengan tiada peningkatan mendadak kes baharu selepas pelaksanaannya.

BHTV

"Bagaimanapun, PKP lebih tepat dan efektif dalam mengurangkan kes berbanding PKPB, jika mahu membuat perbandingan dua model ini," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 78 kes baharu positif COVID-19 direkod semalam, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 7,137 kes dengan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,163 kes.

Daripada 78 kes baharu yang dilaporkan, 25 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara manakala 53 kes adalah penularan tempatan.

"Daripada 53 kes penularan tempatan itu, 40 kes adalah bukan warga Malaysia dengan 25 kes sudah dikesan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) di Bukit Jalil, Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 63 kes pulih semalam, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes yang pulih sepenuhnya daripada wabak itu dan discaj dari wad adalah 5,859 kes (82.1 peratus).

Dr Noor Hisham berkata, ada satu kes kematian dicatat menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia 115 kes atau 1.61 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-115 itu adalah lelaki warga tempatan berusia 65 tahun dengan latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang.

"Beliau dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor pada 3 April lalu dan disahkan meninggal dunia pada 21 Mei pada jam 2.58 petang," katanya.

Dr Noor Hisham berkata sehingga kini, terdapat sembilan kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, lima kes memerlukan bantuan pernafasan.

Sementara itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mempunyai sikap bertanggungjawab semasa menjalankan sebarang aktiviti di luar mahupun dalam rumah, termasuk dalam persiapan sambutan Aidilfitri.

## Pengamal perubatan dikecualikan penuhi mata CPD

**Putrajaya:** Pengamal perubatan yang mendaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) diberi pengecualian daripada memenuhi keperluan mata Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) untuk pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Tahunan bagi tahun 2021.

Presiden MMC, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Khas MPM yang bersidang pada 14 April lalu.

Katanya, pengamal perubatan kini mempunyai kekangan masa memenuhi keperluan mata CPD kerana menjadi petugas barisan hadapan dalam menangani wabak COVID-19 yang kini sedang melanda seluruh negara.

"Ini adalah satu tanda penghargaan dan juga sebagai penyuntik semangat kepada pengamal perubatan sebagai petugas barisan hadapan atas sumbangan cemerlang dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 yang melanda negara pada masa ini.

"Dengan ini, adalah diharapkan pengamal perubatan terus berdedikasi dan bersemangat untuk terus berkhidmat bagi membasmi penularan wabak ini yang dijangka akan terus berlarutan sehingga tahun hadapan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

# Saring warga asing di Depoh Tahanan Imigresen

**Putrajaya:** Kerajaan menetapkan semua warga asing yang berada di Depoh Tahanan Imigresen (DTI) akan disaring COVID-19 sebelum dihantar ke negara masing-masing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata hanya individu negatif akan dihantar pulang ke negara asal manakala yang positif pula akan diasingkan dan dirawat.

"Setakat ini, seramai 1,514 individu sudah disaring, termasuk 114 pegawai di DTI Bukit Jalil. Sebanyak 60 warga asing di depoh terbabit disahkan positif COVID-19, manakala pegawai terbabit tidak dijangkiti," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah itu 35 individu dikesan daripada Blok A depoh berkenaan, 24 individu pula di Blok B dan seorang di Blok C.

Sehingga jam 12 tengah hari semalam, seramai 60 individu disahkan dijangkiti COVID-19, iaitu 35 kes dilaporkan kelmarin dan 25 kes lagi adalah semalam.

Terdahulu, Dr Noor Hisham memaklumkan DTI Bukit Jalil ialah kluster terbaru yang dikesan oleh pihaknya yang membabitkan individu dari Myanmar, India, Sri Lanka, Bangladesh dan Mesir.

Sementara itu, Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata semua tahanan dan petugas di DTI Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan Semenyih, Selangor akan menjalani ujian saringan COVID-19.

BHTV

Beliau berkata, ini akan membabitkan kira-kira 1,200 tahanan di Bukit Jalil dan 1,600 tahanan di Semenyih.

Menurutnya, setakat ini ujian saringan hanya akan dibuat di dua depoh ini, selepas tahanannya dikesan positif COVID-19.

"Kes membabitkan depoh di Bukit Jalil, kes itu pendatang tanpa izin sebelum PKP kemudian masuk pula pendatang tanpa izin dari Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Jalan Masjid India.

"Di depoh itu mereka bukan tinggal sebilik seorang, mereka tinggal dalam dorm, mungkin sebab itu jangkitan merebak.

"Kementerian Kesihatan dan Jabatan Imigresen sudah mengambil tindakan, seramai 60 pendatang tanpa izin yang positif dihantar ke hospital sementara di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS)," katanya.

Ismail Sabri berkata, pegawai yang ditugaskan menjaga keselamatan di depoh terbabit perlu memakai pakaian perlindungan diri (PPE) sepenuhnya.

Beliau turut memaklumkan rakyat tidak perlu bimbang kerana pendatang tanpa izin yang berada di dalam depoh itu dikuarantin dan tidak bercampur dengan masyarakat luar.




***Semua warga asing** yang berada di Depoh Tahanan Imigresen (DTI) akan menjalani saringan COVID-19.*
(Foto Amirudin Sahib/BH)

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 20**
**RUANGAN : WILAYAH**

# Kes demam denggi di Johor meningkat

**Johor Bahru:** Kes demam denggi dikesan mencatatkan peningkatan ketara di negeri ini sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R Vidyananthan, berkata statistik dikeluarkan Jabatan Kesihatan negeri menunjukkan trend peningkatan yang amat ketara, sekali gus membimbangkan.

"Daripada jumlah 3,768 kes yang dilaporkan di seluruh Johor, daerah Johor Bahru mencatat jumlah kes paling tinggi, iaitu sebanyak 3,038 kes.

"Peningkatan kes denggi ini berpunca daripada pergerakan dan aktiviti orang ramai pada waktu puncak, dengan pada waktu itu adalah waktu nyamuk Aedes aktif menggigit mangsa (jam 5 pagi hingga 9 pagi dan jam 6 petang hingga 8 malam).

"Ia ditambah pula dengan keadaan cuaca yang panas memberikan persekitaran yang kondusif untuk nyamuk Aedes membiak lebih cepat dan meningkatkan populasinya di persekitaran," katanya dalam kenyataan, semalam.

Vidyananthan berkata, jumlah bekas makanan terpakai dan sampah sarap juga dikesan meningkat pada bulan Ramadan walaupun bazar Ramadan tidak beroperasi dalam tempoh PKPB.

"Apa yang dikhuatiri adalah rumah atau premis yang ditinggalkan penghuni yang terkandas ketika meninggalkan kediaman dan tidak dapat pulang ke rumah, selain premis tempat kerja yang ditinggalkan dan tidak diselenggara akan meningkatkan risiko pembiakan.



*R Vidyananthan*

"Pasar raya, rumah kedai, pejabat tapak pembinaan, sekolah, kolej dan universiti yang ditinggalkan tanpa penghuni adalah tempat yang berpotensi pembiakan dan perlu kepada tindakan pemusnahan dengan meluas dan berkala sehingga tempoh PKPB tamat," katanya.

Katanya, Kementerian Kesihatan sudah mengedarkan surat peringatan kepada semua agensi untuk menjalankan tindakan pemusnahan tempat pembiakan Aedes dengan bekalan racun larvasiding diambil dari pejabat kesihatan berhampiran.

"Masyarakat perlulah mengambil kesempatan menjelang Aidilfitri ini untuk melakukan pembersihan di dalam dan di persekitaran kediaman masing-masing.

"Mereka juga digalakkan tidak menyimpan barangan yang tidak digunakan seperti mesin basuh rosak, tayar, tong cat dan sebagainya supaya bekas itu tidak menjadi tempat pembiakan jentik-jentik," katanya.

Untuk perkembangan situasi denggi semasa, boleh layari laman sesawang Kementerian Kesihatan atau Facebook Info Denggi Negeri Johor, I-dengue dan sumber info lain untuk mengetahui kawasan wabak denggi supaya langkah kawalan dapat dilaksanakan segera.

**AKHBAR** : BERITA HARIAN
**MUKA SURAT** : 35
**RUANGAN** : AUTO ZON

# Toyota Boshoku UMW sumbang PPE

**UMW** Toyota Motor menerusi anak syarikatnya, Toyota Boshoku UMW Sdn Bhd (TBU) membantu menghasilkan kelengkapan pelindung diri (PPE) untuk disalurkan kepada barisan hadapan dalam mengekang penularan COVID-19.

TBU yang juga syarikat usaha sama dengan Toyota Boshoku Corporation dari Jepun menyediakan kelengkapan itu untuk melindungi petugas kesihatan daripada dijangkiti wabak berkenaan ketika merawat pesakit.

"Inilah masanya kami mahu berperanan sebagai syarikat korporat yang bertanggungjawab untuk membantu dengan cara yang termampu bagi memudahkan petugas barisan hadapan menunaikan kerja mereka.

"Kami mempunyai kemudahan yang boleh mengeluarkan PPE, maka kami membantu Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menambah jumlah stok dengan kadar lebih cepat tanpa sebarang kos berbanding terpaksa mendapatkannya dari luar negara," kata Presiden UMW Toyota Motor, K Ravindran.

TBU yang terbabit dalam pengeluaran kerusi kenderaan, kemasan pintu serta talam pengalas yang digunakan pada kenderaan yang dipasang di Malaysia, mempunyai kemudahan untuk mengeluarkan beberapa peralatan PPE dengan mudah.

Kemudahan berkenaan membabitkan mesin pemotong reka letak automatik serta mesin jahit perindustrian dengan 75 pekerja mahir dalam menjahit kerusi kenderaan.

Corak awal diperbuat daripada contoh unit seperti kasut pelindung, tudung dan baju yang kemudiannya dimuat naik ke mesin pemotong automatik. Rekaan akhir kelengkapan itu juga telah mendapat kelulusan KKM.

TBU mampu menghasilkan 1,500 unit sehari dan telah menyerahkan 10,000 unit daripada kumpulan pertama kelengkapan yang dikeluarkan kepada KKM bulan lalu.

"Toyota Motor Corporation dengan aktifnya menyokong apa juga usaha di banyak negara untuk mengatasi pandemik global ini. Sokongan tertakluk kepada keperluan, dan di Malaysia, kami sedar PPE menjadi keperluan mendesak bagi petugas kesihatan.

"Jadi, bersama anak syarikat kami, Toyota Boshoku Corporation, kami memberi tumpuan untuk membantu dengan cara ini," tambah Timbalan Pengerusi UMW Toyota Motor, Akio Takeyama.



***Pengarah** UMW Toyota Motor, Mohd Shamsor Mohd Zain (kanan) menyampaikan Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba di Putrajaya.*

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 4A**
**RUANGAN : LOKAL**

# 'REHAT SIKITLAH'

*PM mahu rakyat turut sama pikul tugas bendung Covid-19, beri peluang frontliners 'berehat'*






MUHYIDDIN mengadakan persidangan video bersama petugas barisan hadapan di Bangunan Perdana Putra, semalam.

**Putrajaya**

Sudah tiba masanya rakyat Malaysia mengambil tanggungjawab memikul tugas membendung penularan wabak Covid-19 untuk memberi peluang petugas barisan hadapan 'berehat'.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sekiranya rakyat memainkan peranan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM) iaitu kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka, menyukat suhu badan dan amal penjarakan sosial sepanjang masa, beban tugas dipikul petugas barisan hadapan ketika ini dapat dikurangkan.

"Kita (petugas barisan hadapan) selama berbulan-bulan ini, kita ambil langkah ke hadapan sebagai *frontliners* (petugas barisan hadapan), tetapi *slowly but surely* selepas ini rakyatlah harus memikul tanggungjawab untuk menentukan supaya wabak Covid-19 ini tidak menular.

"Sebagai contoh kalau di Putrajaya semua Presint (dikategorikan zon) hijau, jadi mereka (penduduk) mesti kekalkan (zon) hijau. Ini bukan beban tugas KKM atau *frontliners*, tetapi yang penting kepada penduduk yang berada di kawasan ini untuk menjaga, memelihara, supaya wabak itu tidak ada lagi," katanya dalam sidang video kira-kira 30 minit bersama wakil petugas barisan hadapan terbabit menangani Covid-19.

> "Rakyat harus ke depan untuk memainkan peranan juga
> Muhyiddin

Sidang video itu disertai wakil Kementerian Kesihatan Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, pimpinan setempat perlu memainkan peranan mulai sekarang untuk memastikan penduduk bersedia secara berperingkat menjaga komuniti sebelum kerajaan memutuskan menamatkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) satu masa kelak.

"Rakyat harus ke depan untuk memainkan peranan juga, ini pendekatan yang kita akan ambil mulai daripada sekarang supaya lepas ini kita (petugas barisan hadapan) boleh relaks sikit lah, rehat sikit lah kerana sekarang ini gayanya kerja sampai tidak ada masa hendak balik ke rumah masak ketupat, tolong isteri, sebab beban kita begitu banyak sekali," katanya.

Dalam sidang video itu, Muhyiddin menzahirkan ucapan terima kasih atas peranan dan sumbangan dicurahkan petugas barisan hadapan selama ini dan turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan maaf zahir dan batin kepada semua yang terbabit. - Bernama

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 10**
**RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19**



# 40 kes baharu libatkan warga asing

25 kes dikesan di Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN dan HIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

Malaysia mencatatkan 78 kes positif baharu koronavirus (Covid-19) semalam yang mana 25 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara dan 40 kes melibatkan kalangan warga asing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 7,137 kes.

Menurutnya, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 1,163 kes.

"Daripada 78 kes, 25 adalah kes import. Sebanyak 53 kes penularan adalah tempatan di mana 40 daripadanya bukan warganegara Malaysia termasuk 25 kes dikesan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) di Bukit Jalil," katanya pada sidang media perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.



DR NOOR HISHAM

Beliau berkata, terdapat satu kematian baharu direkodkan melibatkan lelaki warganegara berumur 65 tahun.

"Kes kematian ke-115 (kes ke-3,616) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 65 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang.

"Dia telah dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor pada 3 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 21 Mei 2020 jam 2.58 petang," kata beliau.

Dalam pada itu, sehingga kini, terdapat sembilan kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana lima kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Terdapat 63 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini (semalam).

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 5,859 kes iaitu 82.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

## Bimbang kes Covid-19 meningkat lepas raya

**PUTRAJAYA** - Kes koronavirus (Covid-19) akan meningkat selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri sekiranya rakyat tidak mematuhi prosedur ditetapkan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham Abdullah.

Menurutnya, jangkaan itu berdasarkan data dan pengalaman negara lain yang menyaksikan peningkatan kes mendadak selepas sambutan perayaan besar.

"Kebimbangan kita adalah musim perayaan. Berdasarkan pengalaman dan data dari negara luar, apabila ada musim perayaan, selepas dua minggu ada peningkatan mendadak," katanya pada sidang media perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes jangkitan Covid-19 di negara ini akan mencapai angka satu digit sekiranya rakyat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pada perayaan ini.

"Sebaliknya kes akan mendadak jika meminggirkan SOP," katanya.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM




Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 7,059 kes kepada 7,137 kes

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NEWS/NATION**



have so many things to do.

"With the approach, which we will take in phases, I anticipate that, very soon, our frontliners will not have to carry 100 per cent of the burden and responsibilities on their shoulders."

He also took the opportunity to convey his appreciation to the frontliners.

He said their efforts were recognised not just in Malaysia, but also beyond.

"The efforts have shown impact. This is something that we should be proud of, that Malaysia stands on top of the world where Covid-19 management is concerned.

"To me, this is recognition and credit to everyone involved and those who have worked tirelessly all this while."

Muhyiddin said Malaysia's healthcare management system had been acknowledged as among the world's best.

This acknowledgement, he said, was one he was proud of and a testament to the country's abilities.

He also addressed the need for the country's maritime borders to be secure to prevent an influx of illegal immigrants.

He said there was a possibility that those who had returned to their countries of origin would try to re-enter Malaysia.

"If we do not monitor our borders carefully, many will try to sneak back into the country. If our borders aren't tightened, it will be a problem for us later."

On maritime security, MMEA director-general Admiral Datuk Mohd Zubil Mat Som said the agency, in collaboration with the Royal Malaysian Navy and police, had intensified its operation, Op Benteng, with emphasis on monitoring the movement of refugees from Myanmar.

On national border security, Armed Forces chief General Tan Sri Affendi Buang expressed confidence that it was under control, thanks to regular monitoring by the police, the MMEA and the Immigration Department.

"All these agencies are working closely with the armed forces and have placed their men in all operational areas nationwide.

"I'm confident that any border encroachment involving illegal immigrants who may have been infected with Covid-19 will be tackled effectively."

In another development, Deputy Inspector-General of Police Datuk Mazlan Mansor told the press conference that the police had entered a new phase of enforcement following the implementation of the CMCO.

"We are aware that Hari Raya Aidilfitri is just around the corner and there is an increase in the number of motorists wanting to return to their hometowns.

"Various excuses and tricks are being used to get through police roadblocks."

However, police will continue imposing a compound fine on any individual found to have violated the interstate travel ban in conjunction with Aidilfitri this weekend.

# Heed CMCO rules, urges Health D-G

**PUTRAJAYA:** Malaysians have been reminded to act responsibly by complying with the Conditional Movement Control Order (CMCO) and refrain from *balik kampung* during the Hari Raya Aidilfitri celebration.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah reiterated his call for Malaysians to consider celebrating Aidilfitri at home and avoid visiting relatives as well as cemeteries to reduce the risk of getting infected by Covid-19.

Based on the experience of other countries affected by the pandemic, he said, the ministry was concerned about the possibility of a spike in cases in the post-festive period.

"From experience and data compiled in other countries, the number of cases will increase significantly about two weeks after a festive celebration (period) since people will leave for their hometowns to celebrate it.

"To contain the outbreak, it is not only the responsibility of the Health Ministry, but also through the collective effort among us all by complying with the standard operating procedures (SOP) under the CMCO.

"Avoid visiting homes and cemeteries during Hari Raya Aidilfitri, observe social distancing and practise utmost hygiene," said Dr Noor Hisham during his daily press conference here yesterday. He said the interstate travel ban was one of the measures introduced to prevent a surge in Covid-19 cases post-Hari Raya Aidilfitri.

"The interstate travel ban is aimed at reducing the exodus to balik kampung for Hari Raya Aidilfitri. This is because we fear that the virus could be brought back to their hometowns."

The ministry, he said, did not detect any significant increase in new Covid-19 daily cases throughout the CMCO period, although the modelling was not as effective in reducing the number of infections compared with the four phases of the Movement Control Order (MCO).

"We will proceed with implementing the CMCO since the modelling is cost-effective compared with the MCO."

Earlier, Dr Noor Hisham announced that the ministry detected 78 new cases yesterday, bringing the total number of cases to 7,137.

"Of the 78 new cases, 25 were contracted abroad, while of the 53 local transmissions, 40 involve non-Malaysians. Twenty-five cases were detected at the Bukit Jalil Immigration depot."

He said all illegal immigrants tested positive for Covid-19 and as they were detained at the depot, they would be deported back to their respective countries only after they had recovered from the infection.

"Our policy is we will only deport individuals who test negative for the infection.

"Those (illegal immigrants) who test positive will be isolated and given treatment until they recover."

Dr Noor Hisham was asked about his Hari Raya Aidilfitri plans.

He replied that although this year's celebration would be slightly different due to the Covid-19 pandemic, he would maintain his tradition of spending the first or second day of Raya with health frontliners.

"Previously, I would go to the hospital to be with the frontliners who are on duty during the first day of Hari Raya Aidilfitri after performing the special prayers.

"This year will be no different. Maybe after performing Hari Raya Aidilfitri prayers at home, I will be heading for the hospital to be with the frontliners."



*Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (left) speaking at a daily Covid-19 media briefing at the Health Ministry in Putrajaya yesterday.* PIC BY LUQMAN HAKIM ZUBIR

# PM to self-quarantine at home

**KUALA LUMPUR:** Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin began a self-quarantine at home for 14 days starting yesterday, when an officer who attended a post-cabinet meeting which Muhyiddin chaired on May 20, was tested positive for Covid-19.

The Prime Minister's Office, in a statement, said Muhyiddin tested negative in a Covid-19 screening yesterday.

"According to the Observation and Surveillance Order for Covid-19 Contact under Section 15 (1) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342), the prime minister is required to be quarantined at home for 14 days starting this evening (yesterday)," it said.

The statement informed those who attended the meeting that they were required to undergo Covid-19 screening and be quarantined at their respective homes for 14 days starting yesterday.

"We would like to state that every meeting at the Prime Minister's Office implements social distancing measures and observes strict health practices at all times."

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 5**
**RUANGAN : NATION**

## Covid-19: Current situation globally
*(As of 7pm May 22, 2020)*

| Malaysia | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|---|
| | 78 | 7,137 | 115 | 5,859 |

| Asean+ | India | China | Singapore | Indonesia | Japan | Philippines | S. Korea | Thailand | Vietnam | Myanmar | Brunei | Cambodia | Laos |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 119,419 | 82,971 | 30,426 | 20,796 | 16,424 | 13,597 | 11,142 | 3,037 | 324 | 199 | 141 | 123 | 19 |
| Deaths | 3,599 | 4,634 | 23 | 1,326 | 777 | 857 | 264 | 56 | 0 | 6 | 1 | 0 | 0 |
| Recovered | 48,957 | 78,255 | 12,117 | 5,057 | 12,672 | 3,092 | 10,162 | 2,910 | 266 | 108 | 136 | 122 | 14 |

| Global Top 10 | US | Russia | Brazil | Spain | UK | Italy | France | Germany | Turkey | Iran |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 1,621,333 | 326,448 | 310,921 | 280,117 | 250,908 | 228,006 | 181,826 | 179,153 | 153,548 | 131,652 |
| Deaths | 96,363 | 3,249 | 20,082 | 27,940 | 36,042 | 32,486 | 28,215 | 8,314 | 4,249 | 7,300 |
| Recovered | 382,244 | 99,825 | 125,960 | 196,958 | N/A | 134,560 | 63,858 | 159,000 | 114,990 | 102,276 |



**Isolated:** Muhyiddin chairing the National Finance Council Meeting via video conference at Perdana Putra in Putrajaya yesterday. — Bernama

# PM to undergo 14-day self-quarantine

By MAZWIN NIK ANIS and TARRENCE TAN
newsdesk@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin has tested negative for Covid-19 but will have to undergo a 14-day self-quarantine.

This came after an officer, who was present during a post-Cabinet meeting on Wednesday, tested positive for the disease.

Early yesterday, Muhyiddin went for Covid-19 screening and the test came back negative.

"Nevertheless, according to the Supervision and Observation Order for Covid-19 Contact (Section 15(1) Act 342), the Prime Minister has to be in self-quarantine at home for 14 days beginning Friday evening," said a brief statement issued by the Prime Minister's Office (PMO).

It said all those present during the meeting had also been directed to go for screening and self-quarantine at home for two weeks.

"As noted, every meeting held at the PMO has practised social distancing and stringent healthcare at all times," the statement added.

The meeting was attended by top officials representing agencies under the Prime Minister's Department.

It is understood that Chief Secretary to the Government Datuk Seri Mohd Zuki Ali was also present.

Sources said he too had undergone a swab test, which came back negative for Covid-19.

Malaysian Anti-Corruption Commission chief commissioner Datuk Seri Azam Baki confirmed that he was among those who attended the meeting.

"I have taken the swab test and am still waiting for the result.

"As per standard operating procedure, I will undergo the 14-day self-quarantine at home," said Azam.

# 'Celebrate Raya with vigilance'

## Health DG: Stick to SOP as prevention is also your responsibility

**PUTRAJAYA:** As Malaysians prepare to celebrate Hari Raya Aidilfitri tomorrow, the public is reminded to be vigilant and adhere to standard operating procedure (SOP).

In expressing his concerns, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said data from other countries pointed to a drastic increase in Covid-19 cases during the festive period.

"The prevention of Covid-19 is not the sole responsibility of the government but also the community at large.

"Everyone, including family members, must adhere to SOP such as social distancing, maintain good hygiene and avoid gatherings," he said during his daily briefing on Covid-19 yesterday.

On a personal note, Dr Noor Hisham said this year's Hari Raya would be no different from previous years as he would celebrate it at the hospital.

"Every year, I celebrate Hari Raya at the hospital. After prayers, I will go to the hospital to be with the frontliners who are working," he said.

Yesterday, there were 78 new cases recorded, bringing the country's tally to 7,137 cases.

Out of the figure, 25 were imported cases while the rest were local transmissions.

There were 25 more cases from the Bukit Jalil Immigration depot cluster, in addition to the 35 cases the day before.

Dr Noor Hisham said 63 more patients had been discharged over the past 24 hours, bringing the country's recovery rate to 82.1%.

There was one new death, taking the country's death toll to 115.

The latest fatality was a 65-year-old man with a history of diabetes, hypertension and kidney disease.

Watch the video thestartv.com

# 27 more cases among detainees reported

**PUTRAJAYA:** Another 27 Covid-19 cases have been detected from two Immigration Department detention centres in the country, making it a total of 62 cases.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced that the immigration depot in Semenyih was now also under investigation, after two of its detainees were found positive.

"The Health Ministry has conducted swab tests on 1,200 undocumented migrants at the Bukit Jalil depot, and 1,600 in Semenyih.

"Those who were positive were sent to the ministry's temporary hospital at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS)," said Ismail Sabri at the National Security Council daily press conference here yesterday.

He said the virus may have easily spread because the detainees were put up in dormitories, and not in individual rooms.

"The public should not be worried about this because the depot itself is like a quarantine centre.

"Detainees cannot go out so the virus will not spread. Those who are positive will be isolated and treated," he said, adding that 114 workers have tested negative so far.

An officer at the Bukit Jalil depot said that he was told to quarantine at home after being declared negative.

"I am undergoing quarantine in my own room, and have isolated myself from my family," he said.

Meanwhile, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said individuals who were found positive will not be deported to their countries until they have recovered.

"We are screening and testing all detainees at the depots. Only those who are negative can be deported," he said at the Health Ministry's daily press conference here yesterday.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

# Over 50,000 doctors granted CPD exemption

**KUALA LUMPUR:** More than 50,000 registered doctors will be exempted from having to get at least 20 Continuing Professional Development (CPD) points this year, which is one of the requirements for them to obtain their Annual Practising Certificate (APC) for next year.

Malaysian Medical Council (MMC) president Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said a special MMC meeting on April 14 decided to grant the waiver to doctors in view of special circumstances arising from the Covid-19 pandemic.

"This is because medical practitioners as frontliners battling Covid-19 do not have the time to meet the minimum CPD points," he said in a statement uploaded on his Facebook page on Thursday.

According to the Medical Act 1971, all medical practitioners practising in Malaysia are required to be registered with MMC, and they are required to obtain the APC.

Dr Noor Hisham said the exemption was given to appreciate and motivate doctors who are serving as frontliners.

"As such, it is hoped that they will continue to be dedicated and motivated in their service as the outbreak is anticipated to continue until next year," he added.

**AKHBAR** : THE STAR (STAR METRO)
**MUKA SURAT** : 11
**RUANGAN** : EVENTS

STARMETRO, SATURDAY 23 MAY 2020

# Isolation cubicles for Putrajaya frontliners

## Hospital and cancer institute welcome donation made to protect those conducting swab tests




Sabariah (left) presenting the contribution of Covid-19 sampling isolation cubicles to Dr Nora'i at Putrajaya Hospital.




PUTRAJAYA Holdings Sdn Bhd (PjH), the master developer of Putrajaya, has contributed five units of Covid-19 sampling isolation cubicles to Putrajaya Hospital and the National Cancer Institute.

The donation, made through subsidiary company Putrajaya Homes Sdn Bhd (PjHomes), is part of the company's corporate social responsibility to show support for the services and sacrifices of frontliners, especially in Putrajaya.

With the isolation cubicle, healthcare personnel would be well protected from direct contact with patients when taking swab tests.

"While hospitals welcome any form of donation during this crisis, we realise that what the hospitals need urgently are isolation cubicles for swab testing to minimise the risk of infection among frontliners," said PjH marketing and commercial division general manager Sabariah Ramli.

Putrajaya Hospital director Datuk Dr Nora'i Mohd Said described the contribution as "a godsend to the hospital's battle against Covid-19".

National Cancer Institute director Dr Mohd Anis Haron added that since most of the sampling were done outdoors, the isolation cubicles made it more bearable while protecting medical staff who worked long hours.

"On behalf of PjH, we wish to extend our utmost gratitude to all the heroes on the ground, the frontliners," said Sabariah.

"PjH's contribution is rather small compared to the sacrifices made by the frontliners."

She also thanked the Health Ministry for approving the contribution.

"The Health Ministry has done a brilliant job in curbing the infection, and its officers have consistently demonstrated superb professionalism and dedication," added Sabariah.

In appreciation of their services and sacrifices, PjHomes is offering frontliners an additional rebate on top of the existing discounts, rebates and freebies for any purchase of properties in Putrajaya.

The offer is extended to doctors, nurses and security forces, including Rela and Malaysian Maritime Enforcement Agency personnel.

Meanwhile, qualified civil servants and pensioners may apply to purchase properties from PjHomes under the Civil Servants Reserved Units scheme, which offers a 25% discount on any residential unit in the administrative capital.

Under the PjHomes Advantage scheme, PjH is offering buyers multiple incentives, such as developer-borne memorandum of transfer stamp duty and legal fees, low entry and rebates.

In conjunction with PjH's 25-year milestone in the industry, PjHomes will be introducing even more incentives.

For details, visit www.pjh.com or call 03-8888 6633.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 12**
**RUANGAN : NATION**

# Students on wait list test positive

**KOTA KINABALU:** Some students of higher learning institutions who are waiting for their turn to return to Sabah have tested positive for Covid-19, says Sabah Health Department director Datuk Dr Christina Rundi.

These positive results prompted the authorities to track down the people who had come in contact with those students and were already back in Sabah, she said.

Dr Rundi also revealed that two people here had been taken to state quarantine facilities after they breached their home quarantine, adding that they were part of 3,207 people placed in various state-provided quarantine centres in Sabah.

As for the 8,783 people undergoing home quarantine as of May 20, she warned them to be responsible and to abide by the order.

"If not, they could be forced to undergo quarantine in state facilities," she said.